



[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

→ MEDIA

Fakta nombor

232 VIDEO

penyertaan

30 LIKE

bagi membolehkan video disenarai pendek

Mohd Ashraf (tujuh kiri barisan belakang), Manja (lima kiri barisan belakang) dan Kim Hong (lima kanan barisan belakang) bergambar bersama pemenang Projek Video Malaysia 2016 di Sri Pentas, Bandar Utama, semalam.

Video Sejuta Cinta juara PROVIM 2016

➔ Pelajar UPM bawa pulang hadiah wang tunai RM8,000

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Petaling Jaya

Video berjudul *Sejuta Cinta* membawa tuah kepada Farahis Nur Azreen Mohd Ramli, 23, apabila dinobatkan pemenang Projek Video Malaysia (PROVIM 2016) di Sri Pentas, Bandar Utama di sini, semalam.

Kejayaan itu membolehkan pelajar tahun akhir jurusan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Universiti Putra Malaysia (UPM) itu membawa pulang hadiah wang tunai RM8,000.

Program itu anjuran Unit Digital, Jabatan Berita dan Ehwal Semasa Media Prima Berhad (MPB) dengan kerjasama syarikat i-Berhad.

Tempat kedua diraih trio Mohammad Salam Jumiran, Aiman Khalid dan Mohd Ibnu Zaid Ithnin menerusi video bertajuk *Cintaku Malaysia*. Mereka menerima hadiah wang tunai RM5,000.

Video bertajuk *Merdeka59-Love in Unity* karya Winston Lim Choon Yee dan Kelson Tan Khai Hsien pula menduduki tempat ketiga dan menerima RM3,000.

Hadiah disampaikan Pengarang Urusan, Kumpulan Jabatan Berita dan Ehwal Semasa MPB, Datuk Seri Mohd Ashraf Abdullah dan Pengerusi Eksekutif i-Berhad, Tan Sri Lim Kim Hong.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarang Urusan, Kumpulan Jabatan Berita dan Ehwal Semasa MPB, Datuk Manja Ismail dan Pengurus Besar, Kumpulan Jabatan Berita dan Ehwal Semasa MPB, Ahmad Kamaluddin Zabaai.

Pupuk semangat perpaduan

Dalam pada itu, Mohd Ashraf berkata PROVIM 2016 yang julung kali dianjurkan bersempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia bertujuan memupuk semangat perpaduan dan nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya belia.

Katanya, program itu membo-

lehkan peserta menterjemah harapan dan aspirasi mereka terhadap negara tercinta menerusi lensa kamera masing-masing.

Beliau berkata, peserta dikehendaki menghantar video pendek berdurasi maksimum tiga minit melalui e-mel dan dimuat naik menerusi Facebook Berita MPB seperti Buletin TV3, Berita TV9, edisi NTV7 dan Berita Mandarin STV.

"Ia diadili 10 peratus 'like' di Facebook dan 90 peratus oleh juri profesional," katanya berucap pada majlis penyampaian hadiah, semalam.

Sementara itu, Farahis Nur Azreen berkata video berkenaan adalah hasil tugasannya dan empat rakan sekampus pada Jun lalu dan ia melalui beberapa kali penyuntingan untuk menepati syarat penggambaran berdurasi tiga minit.

"Rakan saya sendiri terkejut apabila video ini dinobatkan sebagai pemenang... mereka tidak sangka, karya kami dihantar menyertai pertandingan berkenaan dan muncul juara pula," katanya.